

03 JAN 2000

Hishammuddin-Jawatan

HISHAMMUDDIN YAKIN ANGGOTA UMNO TERIMA BAIK KEPUTUSAN MT

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein yakin semua anggota Umno akan menerima baik pendirian Majlis Tertinggi (MT) parti agar tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada mesyuarat agung parti Mei ini.

"Saya percaya ahli Umno akan menerima baik pendirian itu secara terbuka dan menaruh keyakinan bahawa tiada niat lain dalam keputusan itu selain memastikan Umno tetap utuh agar agenda parti dapat diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat MT itu di sini hari ini. Mesyuarat itu mencadangkan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai Presiden parti, dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan bagi jawatan timbalan presiden.

Hishammuddin berkata beliau serta anggota Exco Pemuda yang lain akan menerangkan perkara itu kepada anggota Umno sehingga ke peringkat akar umbi, agar mereka faham dan menerima baik pendirian MT itu.

Mengenai pertandingan bagi jawatan dalam pergerakan Pemuda, beliau berkata berbeza daripada kedua-dua jawatan tertinggi itu, pertandingan bagi sebarang jawatan dalam Pemuda amat dialu-alukan.

"Saya mengalu-alukan sekiranya ada pertandingan bagi sebarang jawatan dalam Pemuda, Saya memandang positif mengenainya kerana bagi saya ahli Pemuda akan bersatu semula apabila sesuatu pertandingan itu selesai," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda, Hishammuddin berkata beliau akan berbincang dengan anggota Exco pergerakan itu bagi mendapatkan pandangan mereka.

"Jika dicalonkan saya sudah cukup bersedia dan tidak akan lari daripada tanggungjawab itu," katanya.

Hishammuddin berkata beliau akan memastikan pertandingan dalam pergerakan itu nanti tidak akan dicemari oleh sebarang gejala negatif yang boleh merosakkan perpaduan pergerakan itu yang telah dipupuk sejak sekian lama.

-- BERNAMA

AKT NMO